



UNTUK EDARAN SEGERA

No. Ruj.: DOF/PNG:AKUA 600-9/1/4(3)

KENYATAAN MEDIA

KEPUTUSAN ANALISIS MAKMAL SAHKAN HASIL LAUT DAN KUALITI AIR KUALA JURU SELAMAT

BATU MAUNG, 22 Mei 2026 – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) mengesahkan hasil analisis makmal terhadap sampel air dan kerang di perairan Kuala Juru, Pulau Pinang berada pada tahap selamat serta mematuhi standard keselamatan makanan negara.

Analisis tersebut dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) Batu Maung dengan kerjasama Pusat Biosekuriti Perikanan Kuantan dan Pusat Biosekuriti Perikanan Selangor susulan aduan berkaitan pencemaran yang diterima daripada komuniti setempat.

Pemeriksaan meliputi parameter logam berat, kualiti air, plankton dan biotoksin marin. Keputusan ujian mendapati kandungan logam berat seperti merkuri, kadmium dan plumbum dalam sampel kerang berada di bawah had maksimum yang dibenarkan di bawah Akta Makanan 1983. Analisis biotoksin menggunakan kaedah *High-Performance Liquid Chromatography* (HPLC) turut merekodkan bacaan toksin *Paralytic Shellfish Poisoning* (PSP) pada tahap rendah dan selamat.

Analisis mikroskopi terhadap sampel air juga mengesahkan tiada kehadiran mikroalga toksik seperti *Alexandrium* spp., *Dinophysis* spp. dan *Pseudo-nitzschia* spp. yang boleh menyebabkan fenomena air pasang merah (red tide). Selain itu, bacaan ammonia dan nitrat didapati mematuhi Standard Kualiti Air Kebangsaan Kelas IIA bagi pemeliharaan hidupan akuatik sensitif.

Pengarah Perikanan Negeri Pulau Pinang, Puan Azimah Jumatli berkata keputusan analisis tersebut menunjukkan keadaan perairan Kuala Juru serta hasil laut di kawasan berkenaan masih berada pada tahap selamat dan terkawal.

“Orang awam tidak perlu panik kerana hasil analisis yang dijalankan mengesahkan sumber perikanan di Kuala Juru masih selamat untuk dimakan dan tidak menjejaskan kesihatan pengguna,” katanya.

DOF akan meneruskan pemantauan secara berkala terhadap aspek biosekuriti dan kualiti perairan bagi memastikan sumber perikanan negara terus terpelihara.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Perikanan Negeri Pulau Pinang
E-mel : prkpenang@dof.gov.my